



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity



BUKU PERATURAN & PANDUAN AKADEMIK



PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA
SEPENUH MASA

PERATURAN AKADEMIK

PERATURAN AKADEMIK

**PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA
SEPENUH MASA**

PERATURAN AKADEMIK

Hakcipta@ Universiti Malaysia Pahang.

Cetakan Pertama 2002

Cetakan Kedua 2004

Cetakan Ketiga 2005

Edisi Penambahbaikan 2008

Edisi Penambahbaikan 2013

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk pun dan dengan apa cara juga sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang.

PERATURAN AKADEMIK

KANDUNGAN	MUKA SURAT
* <i>Kandungan</i> Senarai jadual	i – iii iii
* <i>BAHAGIAN I</i> TAKRIF	1 – 2
* <i>BAHAGIAN II</i> TAHUN AKADEMIK	 3
* <i>BAHAGIAN III</i> PENDAFTARAN PROGRAM	 4
* <i>BAHAGIAN IV</i> PENDAFTARAN KURSUS (1) Pendaftaran Kursus (2) Pindaan Pendaftaran Kursus (3) Pembetulan Pendaftaran Kursus (4) Tarik Diri Kursus (TD) (5) Pendaftaran Kursus Hadir Sahaja (HS) (6) Pendaftaran Kursus Hadir Wajib (HW) (7) Pendaftaran Kursus Gagal (UM) (8) Pendaftaran Kursus Memperbaiki Gred (UG) (9) Pendaftaran Kursus Latihan Industri (Intership)	 4 – 6 4 4 4 5 5 5 5 5 6 6
* <i>BAHAGIAN V</i> SKIM KREDIT (1) Kredit Kursus (2) Nilai Kredit (3) Beban Kredit Minimum dan Maksimum (4) Kredit Kursus Ulangan (UM) (5) Kredit Pembaikan Gred (UG) (6) Kredit Lulus Program dan Tempoh Maksimum (7) Kredit Dapat (8) Kredit Kira (9) Kredit Ambil	 6 – 9 6 6 7 7 7 7 7-8 8 8 9
* <i>BAHAGIAN VI</i> PENGECCUALIAN KREDIT DAN PERPINDAHAN KREDIT (1) Pengecualian Kredit (2) Perpindahan Kredit	 9 9 9

PERATURAN AKADEMIK

* BAHAGIAN VIII	
SISTEM GRED	10 - 11
* BAHAGIAN VIII	
PENILAIAN	11-13
(1) Kehadiran	11
(2) Skim Penilaian	11
(3) Peperiksaan Akhir	12
(4) Peperiksaan Khas	12
(5) Pengumuman Gred Kursus	13
(6) Rayuan Gred Kursus	13
* BAHAGIAN IX	
KEDUDUKAN AKADEMIK	13-14
(1) Kedudukan Akademik	14
(2) Memperbaiki Pencapaian Akademik	14
(3) Pengumuman Keputusan Peperiksaan	14
(4) Status Tahap Pengajian Pelajar	14
* BAHAGIAN X	
SENARAI KEPUJIAN DEKAN	14
* BAHAGIAN XI	
PENGANUGERAHAN DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA	15 -16
(1) Syarat Penganugerahan	15
(2) Permohonan Penganugerahan	15
(3) Kelas Diploma dan Ijazah Sarjana Muda	15 -16
* BAHAGIAN XII	
PENANGGUHAN PENGAJIAN	16
* BAHAGIAN XIII	
DAFTAR SEMULA	16-17
* BAHAGIAN XIII	
PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN	17
* BAHAGIAN XV	
PERUNTUKKAN AM	17

PERATURAN AKADEMIK

SENARAI JADUAL

Bil.	Jadual	Tajuk	Muka Surat
1.	Jadual I	Tahun Akademik	3
2.	Jadual II	Nilai Kredit	7
3.	Jadual III	Kredit Lulus Program dan Tempoh Maksimum Pengajian	8
4.	Jadual IV	Tempoh Maksimum Pengajian Pelajar Kemasukan Terus	
5.	Jadual V	Petunjuk Prestasi	10 – 11
6.	Jadual VI	Kedudukan Akademik	14
7.	Jadual VII	Kelas Penganugerahan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda	16

PERATURAN AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PERATURAN AKADEMIK (Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda) "Sepenuh Masa"

BAHAGIAN I

1. TAKRIF

Dalam peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain –

"Universiti" bermaksud Universiti Malaysia Pahang;

"Senat" bermaksud Senat Universiti Malaysia Pahang;

"Fakulti" bermaksud mana-mana fakulti, sekolah atau pusat pengajian di Universiti;

"Dekan" bermaksud ketua Fakulti yang dilantik Naib Canselor;

"Jawatankuasa Akademik Fakulti" bermaksud jawatankuasa yang ditubuh oleh fakulti yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal akademik;

"Jawatankuasa Peperiksaan" bermaksud jawatankuasa yang ditubuh oleh fakulti bagi semua urusan yang berkaitan dengan peperiksaan;

"Program" bermaksud program pengajian mengikut kurikulum yang diluluskan Senat untuk tujuan penganugerahan;

"Pelajar" bermaksud sesiapa yang telah menyempurnakan pendaftaran Program dan mengikuti pengajian di Universiti;

"Pelajar Kanan" bermaksud Pelajar yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu semester pengajian di Universiti;

"Pelajar Kemasukan Terus" bermaksud Pelajar yang diterima masuk terus ke semester kedua atau semester yang selepasnya berdasarkan pengecualian kredit yang diluluskan oleh Universiti;

"Perkuliahahan" bermaksud semua pertemuan akademik bersemuka di antara pensyarah dengan pelajar seperti yang ditetapkan dalam rancangan pengajaran.

"Kursus" bermaksud komponen kurikulum program yang mempunyai kod tersendiri;

"Penilaian" bermaksud sebarang bentuk pengukuran pencapaian Pelajar bagi Kursus yang diambil;

"GPA" (*Grade Point Average*) bermaksud purata mata nilai gred yang diperolehi bagi sesuatu semester;

PERATURAN AKADEMIK

“**CPA**” (*Cumulative Point Average*) bermaksud purata himpunan mata nilai yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti;

“**IPT**” (Institusi Pengajian Tinggi) bermaksud institusi pengajian tinggi awam atau swasta yang diiktiraf oleh Universiti;

“**Penganugerahan**” bermaksud pengesahan Senat ke atas Pelajar yang telah memenuhi syarat penganugerahan;

“**Pra-syarat**” bermaksud Kursus yang perlu lulus sebelum mengambil Kursus berikutnya.

PERATURAN AKADEMIK

BAHAGIAN II

2. TAHUN AKADEMIK

- (1) Tahun akademik Universiti dibahagi kepada dua (2) semester lazim iaitu semester I dan semester II. Setiap semester mengandungi 14 minggu perkuliahan.

Di samping dua (2) semester lazim di atas, Universiti juga mempunyai satu (1) semester pendek yang mengandungi lapan (8) minggu perkuliahan dan dijalankan selepas semester II. Semester ini tidak termasuk dalam pengiraan tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program.

- (2) Tahun Akademik adalah seperti dalam Jadual I.

Jadual I: Tahun Akademik

SEMESTER I	MINGGU
Perkuliahan	7 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Perkuliahan	7 Minggu
Minggu Persediaan	1 Minggu
Peperiksaan Akhir	3 Minggu
Jumlah	19 Minggu
Cuti Akhir Semester 1	4 Minggu

SEMESTER II	MINGGU
Perkuliahan	7 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Perkuliahan	7 Minggu
Minggu Persediaan	1 Minggu
Peperiksaan Akhir	3 Minggu
Jumlah	19 Minggu

Cuti Akhir Semester II	10 Minggu
JUMLAH	52 Minggu

ATAU SEMESTER PENDEK	MINGGU
Perkuliahan	8 Minggu
Peperiksaan Akhir	1 Minggu
Cuti	1 Minggu
Jumlah	10 Minggu

PERATURAN AKADEMIK

BAHAGIAN III

3. PENDAFTARAN PROGRAM

- (1) Semua calon Pelajar dimestikan mendaftar Program yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan Universiti.
- (2) Tawaran akan terbatal jika calon Pelajar tidak mematuhi Peraturan 3.(1) tanpa sebab yang dapat diterima Universiti.
- (3) Pelajar Kanan yang terputus pengajian disebabkan penangguhan pengajian, penggantungan pengajian dan sebagainya hendaklah membuat pendaftaran program semula.

BAHAGIAN IV

4. PENDAFTARAN KURSUS

- (1) Semua Pelajar dimestikan mendaftar setiap Kursus yang diambil pada setiap semester.
- (2) Pelajar dimestikan mendaftar Kursus dengan kod yang betul.
- (3) Pendaftaran Kursus mesti dibuat sebelum tamat tempoh pendaftaran wajib.
- (4) Pelajar yang lewat mendaftar Kursus tanpa alasan yang dapat diterima Universiti akan dikenakan denda.
- (5) Pelajar yang tidak membuat pendaftaran Kursus setelah tamat tempoh pendaftaran yang dikenakan denda tanpa sebab yang dapat diterima Universiti, boleh diberhentikan pengajian.
- (6) Pelajar hanya boleh mendaftar Kursus yang telah ditetapkan oleh Fakulti masing-masing.
- (7) Kebenaran untuk Pelajar mendaftar Kursus adalah tertakluk kepada jumlah kredit maksimum kecuali dengan kebenaran Dekan.
- (8) **Pindaan Pendaftaran Kursus**
 - (i) Pelajar boleh menambah atau menggugur Kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
- (9) **Pembetulan Pendaftaran Kursus**
 - (i) Pelajar bertanggungjawab membetulkan sebarang kesilapan yang terdapat dalam rekod pendaftaran Kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
 - (ii) Sebarang permohonan pembetulan lewat daripada tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang boleh diterima Universiti akan dikenakan denda.

PERATURAN AKADEMIK

(10) **Tarik Diri Kursus (TD)**

- (i) Dengan persetujuan Fakulti, Pelajar boleh memohon untuk menarik diri mana-mana Kursus yang telah didaftar mulai minggu ketiga (3) hingga hari Jumaat minggu yang kesembilan (9).
- (ii) Kebenaran untuk Pelajar menarik diri Kursus adalah tertakluk kepada jumlah kredit minimum, kecuali dengan kebenaran Dekan.
- (iii) Kod Tarik Diri (TD), akan dicatat dalam rekod pendaftaran Kursus dan transkrip.

(11) **Pendaftaran Kursus Hadir Sahaja (HS)**

- (i) Dengan kebenaran atau arahan fakulti, Pelajar boleh mendaftar tidak lebih daripada dua (2) Kursus dalam sesuatu semester dengan status Hadir Sahaja (HS).
- (ii) Kredit Kursus yang didaftarkan dengan status Hadir Sahaja (HS) tidak diambil kira dalam pengiraan GPA dan CPA. Pelajar yang mendaftar Kursus Hadir Sahaja (HS) hendaklah hadir dan mengikuti segala bentuk penilaian bagi Kursus berkenaan.
- (iii) Pelajar dikehendaki mendaftar Kod "HS", dan kod ini akan dicatat dalam rekod pendaftaran Kursus dan transkrip.

(12) **Pendaftaran Kursus Hadir Wajib (HW)**

- (i) Pelajar dikehendaki mengulang Kursus Hadir Wajib (HW) yang gagal sehingga lulus.
- (ii) Kod Hadir Wajib (HW) ini akan dicatat dalam rekod pendaftaran Mata Pelajaran dan transkrip.

(13) **Pendaftaran Kursus Gagal (UM)**

- (i) Pelajar yang gagal Kursus Wajib, hendaklah mengulang Kursus tersebut sehingga lulus.
- (ii) Pelajar yang gagal Kursus ko-kurikulum hendaklah mengulang Kursus tersebut atau mengambil Kursus ko-kurikulum lain yang setara.
- (iii) Pelajar yang gagal "Kursus Pilihan" hendaklah mengulang Kursus tersebut atau mengambil "Kursus Pilihan" lain yang setara.
- (iv) Kod Ulang Kursus (UM) ini akan dicatat dalam rekod pendaftaran Mata Pelajaran.

PERATURAN AKADEMIK

- (14) **Pendaftaran Kursus Bertujuan Memperbaiki Gred (UG)**
- (i) Pelajar boleh mengambil semula mana-mana Kursus yang telah lulus bagi tujuan memperbaiki gred tertakluk kepada kelulusan Dekan serta syarat-syarat lain yang ditetapkan.
 - (ii) Pelajar dikehendaki mendaftar Kod "UG" dan kod ini akan dicatat dalam rekod pendaftaran Mata Pelajaran.
- (15) **Pendaftaran Kursus Latihan Industri (Internship)**
- (i) Pelajar dikehendaki lulus semua Kursus yang ditawarkan bagi sesuatu program dengan keputusan KB atau KC sebelum menjalani latihan industri pada semester akhir pengajian. Walau bagaimanapun atas pertimbangan Fakulti, pelajar yang gagal satu (1) Kursus boleh dipertimbangkan untuk menjalani latihan industri jika Kursus yang gagal tidak ditawarkan pada semester berkenaan.

BAHAGIAN V

5. SKIM KREDIT

- (1) **Kredit Kursus**
- (i) Setiap Kursus mempunyai nilai kredit tertentu.
- (2) **Nilai Kredit**
- (i) Kecuali dalam kes tertentu, nilai kredit bagi Kursus yang mempunyai kredit adalah seperti dalam Jadual II:

Jadual II: Nilai Kredit

Bentuk Pengajaran	Jumlah Jam Pertemuan Satu Semester	Nilai Kredit
Kuliah	14	1
Amali/Studio/ Projek / Kerja Lapangan	28 hingga 42	1

Bentuk Pengajaran	Bilangan Minggu	Nilai Kredit
Latihan Industri (Internship)	2 hingga 4	1

PERATURAN AKADEMIK

(3) **Beban Kredit Minimum dan Maksimum**

- (i) Pelajar dikehendaki mengambil tidak kurang daripada 12 kredit bagi setiap semester termasuk Kursus Hadir Wajib (HW). Kursus yang didaftarkan dengan taraf Hadir Sahaja (HS) tidak diambilkira.
- (ii) Pelajar diploma dan sarjana muda semester terakhir pembelajaran tidak tertakluk kepada Peraturan 5.(3)(i).
- (iii) Pelajar yang mendapat keputusan CPA < 2.00 hendaklah mengambil tidak lebih daripada 12 kredit termasuk Kursus Hadir Wajib (HW) pada semester berikutnya.
- (iv) Bilangan kredit maksimum yang boleh diambil ialah 19 termasuk Kursus Hadir Wajib (HW). Bagaimanapun Pelajar boleh memohon kebenaran Dekan jika ingin mengambil lebih daripada 19 kredit.

(4) **Kredit Kursus Ulangan (UM)**

- (i) Bagi Pelajar yang mengulang Kursus (UM), gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.
- (ii) Bagi tujuan pengiraan CPA, kredit kira dan mata nilai terkini Kursus yang diulang akan diambilkira, dan kredit kira serta mata nilai terdahulu dimansuhkan.
- (iii) Kursus Elektif yang gagal tidak semestinya diulangi dengan kursus yang sama.

(5) **Kredit Pembaikan Gred (UG)**

- (i) Bagi Pelajar yang mengulang Kursus bagi memperbaiki gred (UG), gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.
- (ii) Bagi tujuan pengiraan CPA, kredit kira dan mata nilai terkini Kursus yang diperbaiki akan diambilkira, dan kredit kira serta mata nilai terdahulu dimansuhkan.

(6) **Kredit Lulus Program dan Tempoh Maksimum**

- (i) Pelajar mesti lulus semua Kursus yang ditetapkan untuk Program yang diambilnya.
- (ii) Jumlah kredit minimum dan tempoh maksimum pengajian sesuatu Program adalah seperti dalam Jadual III.

PERATURAN AKADEMIK

Jadual III: Kredit Lulus Program dan Tempoh Maksimum Pengajian

Diploma/Ijazah Sarjana Muda	Kredit Minimum	Tempoh Lazim (Semester)	Tempoh Maksimum (Semester)
Diploma	90	6	10
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan	120	8	12
Ijazah Sarjana Muda Sains	120	8	11
Ijazah Sarjana Muda Teknologi	120	6	10

- (iii) Tempoh maksimum pengajian bagi Pelajar Kemasukan Terus adalah seperti dalam Jadual IV.

Jadual IV: Tempoh Maksimum Pengajian Pelajar Kemasukan Terus

Diploma/Ijazah Sarjana Muda	Semester Kemasukan	Tempoh Maksimum (Semester)
Diploma	2	9
	3	8
Ijazah Sarjana Muda	2	11
	3	10
	4	9
	5	8

- (iv) Kredit Lulus untuk sesuatu Program ditetapkan oleh Universiti.

(7) Kredit Dapat

- (i) Kredit Dapat merupakan jumlah kredit bagi semua Kursus yang seseorang Pelajar telah lulus, termasuk Kursus Hadir Wajib (HW) tetapi tidak termasuk Kursus Hadir Sahaja (HS).

(8) Kredit Kira

- (i) Kredit Kira merupakan jumlah kredit yang diambilkira dalam pengiraan GPA dan CPA. Kredit Kursus "HS" dan "HW" tidak diambilkira dalam Kredit Kira.

PERATURAN AKADEMIK

(9) Kredit Ambil

- (i) Kredit Ambil merupakan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester termasuk Kursus "HS" dan "HW".

BAHAGIAN VI

6. Pengecualian Kredit dan Perpindahan Kredit

(1) Pengecualian Kredit

- (i) Pelajar diberi pengecualian kredit dengan syarat:
 - (a) calon pelajar memiliki sijil atau diploma atau sarjana muda yang diiktiraf setaraf oleh universiti; atau
 - (b) calon pelajar mempunyai pengalaman yang dikenalpasti oleh Senat sebagai setaraf dengan Kursus peringkat sijil atau diploma; dan
 - (c) pengecualian kredit dipohon pada semester pertama pengajian.
- (ii) Had pengecualian kredit ditentukan oleh Fakulti.
- (iii) Pengecualian kredit boleh diberikan bagi Kursus yang lulus dengan gred C atau yang lebih tinggi mengikut sistem penggredan Universiti tertakluk kepada syarat berikut:
 - (a) Fakulti boleh menetapkan gred minimum yang lebih tinggi daripada gred C.
 - (b) Pengecualian kredit adalah tertakluk kepada kurikulum semasa.
- (iv) Pengecualian kredit tidak dibenarkan untuk program pengajian yang telah diikuti dan telah memperoleh diploma/ijazah dalam program yang sama daripada IPT lain.
- (v) Pelajar dengan kebenaran Fakulti boleh mengambil Kursus yang telah diberikan pengecualian dan grednya akan digunakan dalam pengiraan CPA/GPA. Nilai kredit bagi Kursus yang telah diberi pengecualian akan dibatalkan.

(2) Perpindahan Kredit

- (i) Pelajar boleh memohon perpindahan kredit sesuatu Kursus dengan syarat:
 - (a) Kursus tersebut diambil di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) lain yang dibenarkan oleh Fakulti dalam tempoh pengajiannya di Universiti.
- (3) Jumlah gabungan perpindahan kredit dan pengecualian kredit hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah kredit lulus kurikulum semasa.

PERATURAN AKADEMIK

BAHAGIAN VII

7. SISTEM GRED

- (1) Prestasi Pelajar bagi sesuatu Kursus ditunjukkan oleh Petunjuk Prestasi seperti dalam Jadual V.

Hubungan di antara markah, gred dengan mata nilai adalah seperti dalam Jadual V.

Jadual V: Petunjuk Prestasi

Markah	Gred Lazim	Mata Nilai
80 - 100	A	4.00
75 - 79	A-	3.67
70 - 74	B+	3.33
65 - 69	B	3.00
60 - 64	B-	2.67
55 - 59	C+	2.33
50 - 54	C	2.00
47 - 49	C-	1.67
44 - 46	D+	1.33
40 - 43	D	1.00
25 - 39	E	0.67
0 - 24	F	0.00

Bentuk Pengajaran	Status	Gred	
Latihan Industri/ Bahasa Asing	Hadir Wajib (HW)	Lulus (HL)	Gagal (HG)
Soft Skills/Technical skills	Hadir Wajib (HW)	Kompeten (KY)	Tidak Kompeten (KT)

- (2) Secara amnya gred lulus minimum bagi sesuatu Kursus ialah 'D'. Walaubagaimana pun, gred lulus untuk sesuatu Kursus adalah tertakluk kepada Fakulti dengan kelulusan Senat.
- (3) Selain daripada gred lazim di atas, gred berikut juga digunakan:
- (i) TS (Tidak Selesai)

Gred ini diberikan kepada Pelajar yang tidak dapat mengambil peperiksaan akhir atau tidak dapat menyiapkan kerja kursus sesuatu Kursus kerana disahkan sakit atau alasan lain yang boleh diterima Universiti.

Pelajar yang mendapat gred TS adalah dikehendaki menduduki peperiksaan khas sebagai ganti peperiksaan akhir semester atau menyiapkan kerja kursus berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan

PERATURAN AKADEMIK

- (ii) HS (Hadir Sahaja)
Gred ini diberi kepada Pelajar yang mengambil Kursus Hadir Sahaja (HS).
- (iii) HL (Hadir Lulus)
Gred ini diberi kepada Pelajar yang telah lulus Kursus Hadir Wajib (HW).
- (iv) HG (Hadir Gagal)
Gred ini diberi kepada Pelajar yang telah gagal Kursus Hadir Wajib (HW).
- (v) KY (Kompeten)
Gred ini diberi kepada Pelajar yang telah lulus Kursus makmal teknologi atau bengkel kemahiran dan soft skills.
- (vi) KT (Tidak Kompeten)
Gred ini diberi kepada Pelajar yang telah gagal Kursus makmal teknologi atau bengkel kemahiran dan soft skills.
- (vii) TD (Tarik Diri)
Gred ini diberi kepada Pelajar yang menarik diri daripada sesuatu Kursus yang didaftarnya.

BAHAGIAN VIII

8. PENILAIAN

(1) Kehadiran

- (i) Pelajar mesti hadir semua perkuliahan yang ditentukan bagi sesuatu Kursus termasuk Kursus Hadir Wajib (HW) dan Kursus Hadir Sahaja (HS). Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab yang boleh diterima Universiti, pelajar dibenarkan untuk tidak menghadiri perkuliahan tetapi tidak boleh melebihi 20% dari jumlah perkuliahan yang ditentukan.
- (ii) Pelajar yang tidak memenuhi Peraturan 8.(1)(i) tanpa sebab yang boleh diterima Universiti dianggap gagal Kursus berkenaan. Markah sifar (0) diberikan bagi Kursus yang berkenaan atau Hadir Gagal (HG) bagi Kursus Hadir Wajib (HW).
- (iii) Kursus Hadir Sahaja (HS) akan digugurkan daripada transkrip jika Pelajar tidak memenuhi Peraturan 8.(1)(i).

Nota: Perubahan Bahagian VIII, Perkara 8 (1) telah diluluskan di Mesyuarat Senat Kali Ke-50, Bil 8/2008 pada 24 September 2008. Berkuatkuasa mulai Semester I, Sesi Akademik 2009/2010.

PERATURAN AKADEMIK

(2) **Skim Penilaian**

- (i) Penilaian bagi setiap Kursus dibuat secara berkala dan berterusan dalam sesuatu semester mengikut kaedah yang ditentukan Fakulti tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- (ii) Penilaian Latihan Industri hendaklah menurut kaedah yang ditetapkan oleh Fakulti tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- (iii) Bagi semua Kursus, markah peperiksaan akhir tidak lebih daripada 40% dan markah kerja kursus tidak kurang daripada 60% daripada markah keseluruhan.
- (iv) Penilaian bagi Kursus yang berdasarkan kepada 100% kerja kursus boleh dilaksanakan tertakluk kepada kebenaran Fakulti.

(3) **Peperiksaan Akhir**

- (i) Peperiksaan akhir hendaklah dijalankan dalam tempoh dan mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Universiti.

(4) **Peperiksaan Khas**

- (i) Peperiksaan Khas boleh diadakan untuk kes-kes berikut:
 - (a) Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir kerana disahkan sakit oleh pegawai perubatan Universiti atau hospital kerajaan.
 - (b) Pelajar program diploma semester akhir yang lulus dengan bertaraf KB atau KC tetapi gagal satu (1) Kursus daripada semester-semester sebelumnya.
 - (c) Pelajar program sarjana muda semester kedua terakhir yang lulus dengan bertaraf KB atau KC tetapi gagal satu (1) Kursus daripada semester-semester sebelumnya.
 - (d) Pelajar yang kematian ibu/bapa/penjaga/suami/isteri/anak.
 - (e) Pelajar yang perlu memberi penjagaan rapi kepada ibu/bapa/penjaga/ suami/isteri/anak yang mengalami sakit tenat.
 - (f) Sebab-sebab lain yang boleh diterima Universiti.
- (ii) Markah peperiksaan khas di bawah Peraturan 8.(4)(i)(a), 8.(4)(i)(d), 8.(4)(i)(e), dan 8.(4)(i)(f) di atas akan menggantikan markah peperiksaan akhir sahaja, manakala markah kerja kursus kekal.
- (iii) Markah peperiksaan khas bagi kes dalam Peraturan 8.(4)(i)(b) dan 8.(4)(i)(c) di atas akan menentukan keputusan Kursus berkenaan sama ada lulus atau gagal dan tidak diambilkira dalam pengiraan GPA dan CPA.

PERATURAN AKADEMIK

- (iv) Peperiksaan khas tidak boleh diadakan bagi kes seperti berikut:
 - (a) Pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir tanpa sebab yang boleh diterima oleh Universiti.
- (5) **Pengumuman Gred Kursus**
 - (i) Fakulti dikehendaki mengumumkan gred setiap Kursus dalam tempoh yang ditetapkan Universiti.
- (6) **Rayuan Gred Kursus**
 - (i) Pelajar yang tidak berpuas hati boleh membuat rayuan semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir di Fakulti bagi mana-mana Kursus pada minggu pertama perkuliahan

BAHAGIAN IX

9. KEDUDUKAN AKADEMIK

- (1) Kedudukan Akademik Pelajar ditentukan dengan menggunakan GPA dan CPA.
- (2) Status kedudukan akademik Pelajar ditentu pada setiap semester lazim dengan menggunakan CPA seperti dalam Jadual VI.

Jadual VI : Kedudukan Akademik

Pencapaian Pelajar	Status
1. $CPA \geq 3.67$	Kedudukan Cemerlang (KC)
2. $2.00 \leq CPA < 3.67$	Kedudukan Baik (KB)
3. Status Semasa "KC" atau "KB" dan $1.67 < CPA < 2.00$	Pemulihan 1 (P1)
4. Status Semasa P1 dan $1.67 \leq CPA < 2.00$	Pemulihan 2 (P2)
5. Status Semasa P2 dan $CPA < 2.00$	Kedudukan Gagal (KG) (Pelajar Diberhentikan)
6. $CPA < 1.67$	Kedudukan Gagal (KG) (Pelajar Diberhentikan)

- (3) Pelajar yang mendapat $GPA < 1.00$ walaupun $CPA \geq 1.67$, dengan kelulusan Senat boleh:
 - (i) meneruskan pengajian;
 - (ii) diarah menangguhkan pengajian pada semester berikutnya; atau
 - (iii) diberhentikan daripada pengajian.
- (4) Status kedudukan akademik pelajar untuk semester pendek tidak ditentukan walaupun GPA dan CPA dikira seperti biasa. Kredit dan mata nilai yang diperolehi

PERATURAN AKADEMIK

pada semester pendek ini akan diambilkira bagi pengiraan CPA pada semester berikutnya.

(5) **Memperbaiki Pencapaian Akademik**

- (i) Pelajar diberi peluang memperbaiki gred Kursus dengan syarat-syarat yang berikut:
 - (a) Pembaikan gred hanya untuk Kursus bergred "C-" dan ke bawah.
 - (b) Pembaikan gred bagi sesuatu Kursus hanya dibenarkan sekali sahaja kecuali Kursus yang diperbaiki itu gagal.
 - (c) Gred yang terkini akan diambilkira dalam pengiraan GPA dan CPA.
 - (d) Tempoh pengajian Pelajar belum tamat.

(6) **Pengumuman Keputusan Peperiksaan**

- (i) Universiti akan mengumumkan keputusan peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan.

(7) **Status Tahap Pengajian Pelajar**

- (i) Status tahap pengajian pelajar ditentukan oleh Fakulti berdasarkan jumlah Kredit Dapat yang diperolehi.

BAHAGIAN X

10. SENARAI KEPUJIAN DEKAN

- (1) Tertakluk kepada perakuan Fakulti, Pelajar yang mendaftar Kursus sekurang-kurangnya 12 kredit pada semester berkenaan dan mendapat $GPA \geq 3.50$, serta telah menunjukkan keperibadian yang baik, namanya akan dimasukkan ke dalam Senarai Kepujian Dekan bagi semester berkenaan.
- (2) Catatan "Kepujian Dekan" akan dimasukkan dalam transkrip Pelajar.

PERATURAN AKADEMIK

BAHAGIAN XI

11. PENANUGERAHAN DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA

(1) Syarat Penganugerahan

- (i) Perakuan penganugerahan diploma dan ijazah sarjana muda akan dibuat pada semester lazim.
- (ii) Pelajar hanya layak dianugerahkan diploma atau ijazah sarjana muda setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:
 - (a) Telah lulus semua Kursus yang ditetapkan.
 - (b) $CPA \geq 2.00$.
 - (c) Telah memohon Penganugerahan dan telah mendapat perakuan Fakulti.
 - (d) Syarat-syarat lain yang ditetapkan.

(2) Permohonan Penganugerahan

- (i) Pelajar hendaklah memohon Penganugerahan diploma atau ijazah sarjana muda dalam tempoh yang ditetapkan.
 - (ii) Pelajar yang tidak memohon Penganugerahan dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan Kedudukan Cemerlang (Tamat Program) [KC(TP)] atau Kedudukan Baik (Tamat Program) [KB(TP)]. Pelajar boleh memohon Penganugerahan pada semester-semester berikutnya untuk Penganugerahan dalam semester berkenaan.
 - (ii) Pelajar yang telah tamat tempoh pengajian dengan Kedudukan Cemerlang (Tamat Tempoh)[KC(TT)] atau Kedudukan Baik (Tamat Tempoh)[KB(TT)] tidak layak memohon Penganugerahan.
- (3) Pelajar yang tidak membuat permohonan Penganugerahan sehingga dua tahun selepas tamat program, tidak akan dianugerahkan diploma atau ijazah sarjana muda.

PERATURAN AKADEMIK

(5) **Kelas Diploma dan Ijazah Sarjana Muda**

- (i) Kelas diploma dan ijazah sarjana muda adalah seperti dalam Jadual VII.

Jadual VII: Kelas Penganugerahan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda

Diploma	Syarat
Kelas Pertama	$CPA \geq 3.67$
Kelas Kedua	$2.00 \leq CPA < 3.67$

Ijazah Sarjana Muda	Syarat
Kepujian Kelas Pertama	$CPA \geq 3.67$
Kepujian Kelas Kedua (Tinggi)	$3.00 \leq CPA < 3.67$
Kepujian Kelas Kedua (Rendah)	$2.33 \leq CPA < 3.00$
Kepujian Kelas Ketiga	$2.00 \leq CPA < 2.33$

BAHAGIAN XII

12. PENANGGUHAN PENGAJIAN

- (1) Pelajar yang disahkan sakit oleh pegawai perubatan Universiti atau hospital kerajaan boleh memohon untuk menangguhkan pengajian. Tempoh maksimum penangguhan adalah dua semester bagi setiap kali permohonan. Semester yang tertangguh tidak akan diambilkira dalam pengiraan tempoh pengajian.
- (2) Permohonan untuk menangguhkan pengajian selain daripada sebab kesihatan boleh juga dipertimbangkan. Tempoh penangguhan adalah satu semester bagi setiap kali permohonan. Semester yang tertangguh ini akan diambilkira dalam pengiraan tempoh pengajian. Permohonan ini mesti dibuat sebelum hari Jumaat minggu yang ke sembilan (9) pengajian.

BAHAGIAN XIII

13. DAFTAR SEMULA

- (1) Senat boleh memberikan pertimbangan kepada Pelajar yang gagal pada tahun satu semester pertama untuk Daftar Semula (DS) sekiranya Pelajar membuat permohonan kepada Fakulti.
- (2) Pelajar direhatkan satu semester sebelum mendaftar pengajian dalam program yang ditawarkan.

PERATURAN AKADEMIK

- (3) Pelajar DS dianggap telah menggunakan satu semester daripada tempoh pengajiannya.
- (4) Pelajar DS akan diberhentikan pengajian jika gagal mendapat CPA \geq 2.00 pada semester pertama pengajian ulangan itu.
- (5) Pelajar DS akan memulakan pengajian dengan tidak mengambilkira keputusan sebelumnya.

BAHAGIAN XIV

14. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

- (1) Pelajar tidak dibenarkan memohon pertukaran program pengajian.

BAHAGIAN XV

15. PERUNTUKAN AM

- (1) Sebarang kaedah pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat di bawah mana-mana peruntukan Peraturan Akademik ini. Semua kaedah pelaksanaan yang dibuat mestilah dipatuhi. Walau bagaimanapun, Senat berhak untuk mengubahnya dari semasa ke semasa apabila keadaan memerlukannya.

Disahkan oleh Senat Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia pada 17 Mac 2004.

Mesyuarat Senat Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kali Ke 36 Bil. 3/2007 secara sebulat suara memperaku dan menerima pakai semua keputusan Mesyuarat Senat Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) Kali 1 hingga Kali Ke 35 bermula tahun 2002 hingga Februari 2007 sebagai sah dan digunapakai di dalam segala urusan serta bidang kuasa Senat yang berkaitan dan berkuatkuasa pada tarikh serta perkara ianya diluluskan.

PANDUAN AKADEMIK

PANDUAN AKADEMIK

**PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA
SEPENUH MASA**

PANDUAN AKADEMIK

Hakcipta@ Universiti Malaysia Pahang.

Cetakan Pertama 2002

Cetakan Kedua 2004

Cetakan Ketiga 2005

Edisi Penambahbaikan 2008

Edisi Penambahbaikan 2013

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk pun dan dengan apa cara juga sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang.

PANDUAN AKADEMIK

KANDUNGAN	MUKA SURAT
* BAHAGIAN I 1) Takrif	1 – 2
* BAHAGIAN II 2) Tahun Akademik	3
* BAHAGIAN III 3) Pendaftaran Program	4
* BAHAGIAN IV 4) Pendaftaran Kursus	4 – 7
* BAHAGIAN V 5) Skim Kredit	8 – 9
* BAHAGIAN VI 6) Pengecualian Kredit Dan Perpindahan Kredit	9 - 10
* BAHAGIAN VIII 7) Sistem Gred	11 - 12
* BAHAGIAN VIII 8) Penilaian	12-13
* BAHAGIAN IX 9) Kedudukan Akademik	13-15
* BAHAGIAN X 10) Senarai Kepujian Dekan	16
* BAHAGIAN XI 11) Penganugerahan Diploma Dan Ijazah Sarjana Muda	16 -17
* BAHAGIAN XII 12) Penanguhan Pengajian	18
* BAHAGIAN XIII 13) Daftar Semula	18
* BAHAGIAN XIII 14) Pertukaran Program Pengajian	18
* BAHAGIAN XV 15) Peruntukkan Am	19
* LAMPIRAN	20 – 21

PANDUAN AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PANDUAN AKADEMIK (Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda) “Sepenuh Masa”

BAHAGIAN I

1. TAKRIF

Dalam peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud lain:

“**Universiti**” bermaksud Universiti Malaysia Pahang;

“**Senat**” bermaksud Senat Universiti Malaysia Pahang;

“**Fakulti**” bermaksud mana-mana fakulti, sekolah atau pusat pengajian tinggi di universiti;

“**Dekan**” bermaksud ketua fakulti yang dilantik oleh Naib Canselor;

“**Jawatankuasa Akademik Fakulti**” bermaksud jawatankuasa yang ditubuhkan oleh fakulti yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik;

“**Jawatankuasa Peperiksaan**” bermaksud jawatankuasa yang ditubuhkan oleh fakulti bagi semua urusan yang berkaitan dengan peperiksaan;

“**Program**” bermaksud program pengajian mengikut kurikulum yang diluluskan Senat untuk tujuan penganugerahan;

“**Pelajar**” bermaksud sesiapa yang telah menyempurnakan pendaftaran program dan mengikuti pengajian di universiti;

“**Pelajar Kanan**” bermaksud pelajar yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu (1) semester pengajian di universiti;

“**Pelajar Kemasukan Terus**” bermaksud pelajar yang diterima masuk terus ke semester kedua atau semester yang selepasnya berdasarkan pengecualian kredit yang diluluskan oleh universiti;

“**Perkuliahan**” bermaksud semua pertemuan akademik bersemuka antara pensyarah dengan pelajar seperti yang ditetapkan dalam rancangan pengajaran;

“**Kursus**” bermaksud komponen kurikulum program yang mempunyai kod tersendiri;

“**Penilaian**” bermaksud sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus yang diambil;

“**GPA**” (*Grade Point Average*) bermaksud purata mata nilai gred yang diperolehi bagi sesuatu semester;

“**CPA**” (*Cumulative Point Average*) bermaksud purata himpunan mata nilai yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti;

“**IPT**” (institusi pengajian tinggi) bermaksud institusi pengajian tinggi awam atau swasta yang diiktiraf oleh universiti;

PANDUAN AKADEMIK

“**Penganugerahan**” bermaksud pengesahan Senat ke atas pelajar yang telah memenuhi syarat penganugerahan;

“**Prasyarat**” bermaksud kursus yang perlu lulus sebelum mengambil kursus berikutnya.

PANDUAN AKADEMIK

BAHAGIAN II

2. TAHUN AKADEMIK

- (1) Tahun akademik adalah seperti dalam Jadual I.

JADUAL I: Tahun Akademik

SEMESTER I	MINGGU
Perkuliahahan	7 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Perkuliahahan	7 Minggu
Minggu Persediaan	1 Minggu
Peperiksaan Akhir	3 Minggu
Jumlah	19 Minggu
Cuti Akhir Semester I	4 Minggu

SEMESTER II	MINGGU
Perkuliahahan	7 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Perkuliahahan	7 Minggu
Minggu Persediaan	1 Minggu
Peperiksaan Akhir	3 Minggu
Jumlah	19 Minggu

Cuti Akhir Semester II	10 Minggu
Jumlah	52 Minggu

ATAU

SEMESTER PENDEK	MINGGU
Perkuliahahan	8 Minggu
Peperiksaan	1 Minggu
Cuti	1 Minggu
Jumlah	10 Minggu

- (2) Tahun akademik universiti dibahagi kepada dua (2) semester lazim iaitu semester I dan semester II. Setiap semester mengandungi 14 minggu perkuliahahan.
- (3) Semester Pendek
- Di samping dua (2) semester lazim, universiti juga mempunyai satu (1) semester pendek yang mengandungi lapan (8) minggu perkuliahahan dan dijalankan sebelum Semester II. Tidak ada peruntukan untuk cuti pertengahan semester dan cuti persediaan dalam semester ini.
 - Semester ini tidak termasuk dalam pengiraan tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program.

PANDUAN AKADEMIK

BAHAGIAN III

3. PENDAFTARAN PROGRAM

- (1) Calon Pelajar, calon Pelajar Kemasukan Terus, dan pelajar Daftar Semula (DS) dikehendaki mendaftar program pada tarikh yang ditetapkan universiti.
- (2) Tawaran kemasukan adalah terbatal dengan sendirinya jika mana-mana calon pelajar tidak mendaftar program pada tarikh yang ditetapkan universiti.
- (3) Semua calon pelajar boleh mendapat maklumat berkenaan kaedah, prosedur pendaftaran program, dan kadar bayaran yang perlu dijelaskan semasa pendaftaran dengan merujuk maklumat yang disertakan bersama surat tawaran kemasukan.
- (4) Pelajar Kanan dikehendaki membuat pendaftaran semester di universiti pada tarikh yang ditetapkan universiti. Pendaftaran ini adalah berdasarkan keputusan peperiksaan semester sebelumnya.
- (5) Pelajar Kanan yang telah terputus pengajian disebabkan oleh sakit atau penangguhan pengajian dikehendaki mendaftar program di fakulti pada tarikh yang ditetapkan universiti.
- (6) Pelajar tidak dibenarkan menukar program pengajian yang ditawarkan kepada program yang lain.
- (7) Pelajar yang telah tamat tempoh maksimum pengajian tidak dibenarkan mendaftar program.

BAHAGIAN IV

4. PENDAFTARAN KURSUS

- (1) Pelajar yang telah mendaftar program pada sesuatu sesi pengajian dikehendaki mendaftar tiap-tiap kursus yang diambil pada sesuatu semester dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak universiti.
- (2) Pelajar dikehendaki mendaftar tiap-tiap kursus yang diambil pada sesuatu semester dengan betul dan sempurna, iaitu dengan menyatakan kod kursus, seksyen, dan status kursus berkenaan (seperti UG (Pembaikan Gred), HS (Hadir Sahaja), dan lain-lain). Pelajar baru terkecuali dari perkara ini.
- (3) Pelajar DS tidak perlu menyatakan status kod kursus (seperti HW,UM atau HS) yang telah diambil sebelum pendaftaran semula, kerana pelajar DS dianggap sebagai pelajar baru.
- (4) Pelajar hanya dibenarkan mendaftar kursus yang ditawarkan oleh fakulti pada sesuatu semester
- (5) Pendaftaran kursus selain daripada kursus yang telah ditetapkan dan ditawarkan oleh fakulti hendaklah mendapat kebenaran fakulti terlebih dahulu.
- (6) Pelajar bertanggungjawab untuk menyemak senarai kursus yang telah didaftarkan dengan teliti.
- (7) Pelajar kanan yang telah terputus pengajian disebabkan sakit atau penangguhan pengajian dikehendaki mendaftar kursus di fakulti dalam tempoh yang ditetapkan universiti.
- (8) Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus lebih dari jumlah kredit maksimum untuk sesuatu semester, iaitu, 19 kredit, kecuali dengan kebenaran Dekan.

PANDUAN AKADEMIK

- (9) Permohonan pendaftaran kursus yang diterima selepas dari tarikh dan waktu tutup yang telah ditetapkan (**pendaftaran lewat berdenda**), tanpa alasan yang dapat diterima universiti, hanya akan dipertimbangkan setelah pelajar menjelaskan bayaran denda sebanyak RM30.00 bagi setiap kursus tertakluk kepada bayaran maksimum RM200.00. Pendaftaran ini hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua (2) semester berkenaan. Pelajar bertanggungjawab untuk membuat pembayaran denda tersebut kepada pihak Kewangan Universiti.
- (10) Sebarang penambahan kursus selepas tempoh pendaftaran lewat berdenda tidak akan diterima.
- (11) Pelajar yang gagal membuat sebarang pendaftaran kursus setelah tamat tempoh pendaftaran lewat berdenda, kecuali di atas sebab-sebab yang dapat diterima universiti, boleh diberhentikan dari pengajiannya.
- (12) Pelajar tidak dibenarkan mengikuti apa-apa bentuk perkuliahan (seperti kuliah, tutorial, amali, kerja luar, latihan praktik, dan kuiz) dan menduduki ujian atau peperiksaan bagi sesuatu kursus yang tidak didaftar dengan betul dan sempurna.
- (13) Pelajar yang telah tamat tempoh maksimum pengajian tidak dibenarkan mendaftar kursus.
- (14) Pindaan pendaftaran kursus.
 - (i) Pelajar boleh menambah, menggugur atau membuat pembetulan pendaftaran kursus yang telah didaftar dalam tempoh 2 minggu bermula hari pertama perkuliahan setiap semester lazim
- (15) Pembetulan pendaftaran kursus.
 - (i) Pelajar bertanggungjawab untuk membuat pembetulan sebarang kesilapan yang terdapat dalam rekod pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti.
 - (ii) Pembetulan pendaftaran kursus merujuk kepada:
 - (a) Memasukkan suatu kod kursus tertentu sebagai pengganti dan membetulkan suatu kod lain yang telah didaftarkan sebelumnya yang didapati tersilap atau salah, dan pembetulan ini hendaklah dilakukan pada satu masa yang sama (gugur dan tambah);
 - (b) Menggugurkan suatu kod kursus dari senarai pendaftaran kursus yang telah didaftarkan sebelumnya (gugur);
 - (c) Menambah dan/atau menggugurkan status UM, UG, HW, HS dan HWUM dari senarai pendaftaran kursus yang telah didaftarkan sebelumnya;
 - (d) Menukar seksyen dari senarai pendaftaran kursus yang telah didaftarkan sebelumnya.
 - (iii) Pelajar bertanggungjawab menyemak dan memastikan semua maklumat pendaftaran kursus yang tercatat di dalam *e-community* pelajar itu betul sebagaimana yang didaftarkan. Pelajar hendaklah memaklumkan kepada fakulti jika terdapat sebarang kesilapan di dalam maklumat pendaftaran kursus selewat-lewatnya minggu kesepuluh (10) semester berkenaan. Pelajar juga perlu memastikan pembetulan telah dibuat.
 - (iv) Kesilapan pendaftaran yang tidak dibetulkan akan mengakibatkan pelajar menghadapi masalah seperti berikut:
 - (a) Kesilapan yang berterusan pada rekod akademik pelajar;
 - (b) Penggantungan keputusan peperiksaan pelajar dan menghadapi risiko diberhentikan dari meneruskan pengajian.

PANDUAN AKADEMIK

(16) Tarik Diri kursus (TD).

- (i) Setelah berbincang dengan Penasihat Akademik, pelajar boleh memohon untuk menarik diri daripada mengikuti mana-mana kursus yang telah didaftarkan dalam sesuatu semester.
- (ii) Tempoh TD kursus ialah dari minggu ketiga (3) perkuliahan hingga hari Jumaat minggu kesembilan (9) semester berkenaan.
- (iii) Pelajar dibenarkan menarik diri dari mengikuti mana-mana kursus, kecuali kursus wajib universiti, dan tertakluk kepada 12 kredit minimum, kecuali dengan kebenaran Dekan.
- (iv) Sebarang yuran yang telah dibayar oleh pelajar (jika berkaitan) tidak akan dikembalikan.
- (v) Pelajar yang membuat permohonan TD kursus lewat daripada tempoh yang ditetapkan oleh universiti boleh dikenakan denda dengan kadar sebanyak RM30.00 setiap kursus, tertakluk kepada bayaran maksimum sebanyak RM200.00.
- (vi) Pelajar yang telah menarik diri mana-mana kursus, dikehendaki mendaftar semula kursus berkenaan pada semester berikutnya apabila kursus berkenaan ditawarkan semula, kecuali kursus yang tidak termasuk di dalam syarat keperluan program yang ditetapkan oleh fakulti.
- (vii) Tarik diri, walaupun dibenarkan, tidak digalakkan kerana ia menggambarkan kelemahan perancangan pembelajaran pelajar.
- (viii) Kod TD akan dicatat dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip.

(17) Pendaftaran kursus Hadir Sahaja (HS).

- (i) Dengan kebenaran atau arahan fakulti, pelajar boleh mendaftar tidak lebih daripada dua (2) kursus dalam sesuatu semester dengan status HS.
- (ii) Kredit kursus yang didaftarkan dengan status HS tidak diambilkira dalam pengiraan GPA (*Grade Point Average*) dan CPA (*Cumulative Point Average*).
- (iii) Pelajar dikehendaki menyatakan kod "HS", dan kod ini akan dicatat di dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip pelajar.
- (iv) Pelajar yang mendaftar kursus HS dikehendaki hadir dan mengikuti segala bentuk penilaian kursus berkenaan. Jika pelajar gagal berbuat demikian, pendaftaran dan keputusan kursus tersebut tidak akan direkodkan dalam rekod akademik dan transkrip pelajar.

(21) Pendaftaran kursus Hadir Wajib (HW).

- (i) Pelajar dikehendaki mengulang kursus HW yang gagal sehingga lulus.
- (ii) Kod HW akan dicatat dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip pelajar.

(22) Pendaftaran kursus gagal (UM).

- (i) Pelajar yang gagal kursus wajib dikehendaki mengulang kursus berkenaan sehingga lulus.
- (ii) Pelajar yang gagal kursus kokurikulum dikehendaki mengulang kursus berkenaan atau mengambil kursus kokurikulum lain yang setara.

PANDUAN AKADEMIK

- (iii) Pelajar yang gagal kursus Elektif dikehendaki mengulang kursus berkenaan atau mengambil kursus Elektif yang setara.
 - (iv) Pelajar yang mengulang kursus gagal dikehendaki mendaftar kod asal walaupun kod kursus berkenaan telah berubah kepada kod baru.
 - (v) Kod ulang kursus (UM) akan dicatat dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip pelajar.
- (23) Pendaftaran kursus bertujuan memperbaiki gred (UG).
- (i) Pelajar dibenarkan mengambil semula mana-mana kursus yang telah lulus bagi tujuan memperbaiki gred tertakluk kepada kelulusan Dekan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan.
 - (ii) Pelajar dikehendaki menyatakan kod "UG", dan kod ini akan dicatat dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip pelajar.
 - (iii) Pelajar yang telah lulus semua kursus yang telah ditetapkan bagi program yang diikuti tetapi mendapat keputusan CPA < 2.00 boleh mendaftar kursus untuk memperbaiki CPA bagi tujuan penganugerahan dan tertakluk kepada syarat tempoh maksimum pengajian di universiti. (merujuk kepada peraturan akademik 9.(5) (i))
- (24) Pendaftaran kursus latihan industri (*Internship*).
- (i) Pelajar dikehendaki lulus semua kursus yang ditawarkan bagi sesuatu program dengan keputusan "KB" atau "KC" sebelum dibenarkan menjalani latihan industri pada semester akhir pengajian
 - (ii) Perkara 24 (i) tidak terpakai bagi pelajar yang menjalani latihan industri di pertengahan pengajian atau secara *sandwich*.
 - (iii) Walau bagaimanapun, atas pertimbangan fakulti, pelajar yang gagal satu (1) kursus boleh dipertimbangkan untuk menjalani latihan industri jika kursus berkenaan tidak ditawarkan pada semester sebelum semester akhir pengajian pelajar.
- (25) Pendaftaran kursus dalam semester pendek.
- (i) Pelajar dibenarkan mendaftar tidak melebihi enam (6) kredit, dan tertakluk kepada maksimum dua (2) kursus.
 - (ii) Pelajar dikehendaki mendaftar setiap kursus yang diambil pada semester pendek mengikut peraturan dan prosedur serta di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.
 - (iii) Pelajar dibenarkan menarik diri daripada mengikuti kursus yang telah didaftarkan tertakluk kepada kelulusan Dekan fakulti selewat-lewatnya hari Jumaat minggu keempat (4) semester berkenaan.
 - (iv) Kadar yuran pengajian, perkhidmatan dan asrama (jika berkaitan) akan ditetapkan oleh pihak universiti.

BAHAGIAN V

5. SKIM KREDIT

- (1) Kredit kursus.
 - (i) Setiap kursus mempunyai nilai kredit tertentu.
- (2) Nilai kredit.
 - (i) Kecuali dalam kes tertentu, nilai kredit bagi kursus yang mempunyai kredit adalah seperti dalam Jadual II.

JADUAL II: Nilai Kredit

Bentuk Pengajaran	Jumlah Jam Pertemuan Satu Semester	Nilai Kredit
Kuliah	14	1
Amali/Studio/Projek/ Kerja Lapangan	28 hingga 42	1

Bentuk Pengajaran	Bilangan Minggu	Nilai Kredit
Latihan Industri (<i>Internship</i>)	2 hingga 4	1

- (3) Beban kredit minimum dan maksimum.
 - (i) Pelajar dikehendaki mengambil tidak kurang daripada 12 kredit bagi setiap semester termasuk kursus HW. Kursus yang didaftarkan dengan taraf hadir sahaja (HS) tidak diambilkira.
 - (ii) Pelajar diploma dan sarjana muda semester terakhir pembelajaran tidak tertakluk kepada Peraturan 5.(3)(i).
 - (iii) Pelajar yang mendapat CPA < 2.00 iaitu pelajar berstatus P1 atau P2 hendaklah mengambil tidak lebih daripada 12 kredit termasuk kursus HW pada semester berikutnya. Bilangan kredit minimum bagi pelajar ini adalah sembilan (9) kredit.
 - (iv) Bilangan kredit maksimum yang boleh diambil ialah 19 kredit termasuk kursus HW. Bagaimanapun, pelajar boleh memohon kebenaran Dekan jika ingin mengambil lebih daripada 19 kredit tetapi tidak melebihi 22 kredit.
- (4) Kredit kursus ulangan (UM).
 - (i) Bagi pelajar yang mengulang kursus (UM), gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.
 - (ii) Bagi tujuan pengiraan CPA, kredit kira dan mata nilai terkini kursus yang diulang akan diambilkira, dan kredit kira serta mata nilai terdahulu dimansuhkan.
 - (iii) Kursus pilihan yang gagal tidak semestinya diulangi tetapi kredit dan mata nilai kursus pilihan yang gagal akan diambilkira dalam pengiraan kredit kira dan CPA.

PANDUAN AKADEMIK

- (5) Kredit pembaikan gred (UG).
- (i) Bagi pelajar yang mengulang kursus bagi memperbaiki gred (UG), gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.
 - (ii) Bagi tujuan pengiraan CPA, kredit kira dan mata nilai terkini kursus yang diperbaiki akan diambil kira, dan kredit kira serta mata nilai terdahulu dimansuhkan.
- (6) Kredit lulus program dan tempoh pengajian.
- (i) Pelajar mesti lulus semua kursus yang ditetapkan untuk program yang diambilnya.
 - (ii) Jumlah kredit minimum dan tempoh maksimum pengajian sesuatu program adalah seperti dalam Jadual III.

Jadual III: Kredit LULUS Program dan Tempoh Maksimum Pengajian

Diploma/Ijazah Sarjana Muda	Kredit Minimum	Tempoh Lazim (Semester)	Tempoh Maksimum (Semester)
Diploma	90	6	10
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan	120	8	12
Ijazah Sarjana Muda Sains	120	7	11
Ijazah Sarjana Muda Teknologi	120	6	10

